

Headline	Kezaliman Israel serupa tentera Nazi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	13	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	285 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,633
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,898



Serang hospital, sekolah, masjid dengan alasan jadi tempat simpan senjata **Kezaliman Israel serupa tentera Nazi**

Oleh HUSSAINI AMRAN

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 22 Julai - Serangan tidak berperikemanusiaan yang dilancarkan oleh tentera rejim Zionis Israel di Gaza dilihat menyerupai kekejaman tentera Nazi Jerman terhadap kaum Yahudi semasa Perang Dunia Kedua.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tentera rejim Zionis Israel menyasar kan hospital, rumah, sekolah dan masjid dengan alasan bangunan-bangunan tersebut dijadikan tempat simpanan senjata oleh Hamas.

Menurut beliau, tindakan zalim rejim Zionis juga telah mengorbankan lebih 500 penduduk Gaza manakala beribu-ribu lagi tercedera.

"Inilah Israel, mereka tiada perikemanusiaan langsung. Mereka lupa mereka dulu ditindas Nazi Jerman.


"Sekarang mereka bersikap sep-

erti Nazi juga terhadap orang lain dengan tiada perikemanusiaan sama sekali," katanya dalam sidang akhbar majlis penyerahan sumbangan kepada misi berkenaan di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) di sini hari ini.

Dr. Mahathir dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali seterusnya menghadiri Majlis Berbuka Puasa serta Penyampaian Bantuan Hari Raya Persatuan Kebajikan Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di lokasi sama.

Yang turut hadir, Pengurus Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Pengarah Urusan Kumpulan Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail dan Duta Palestin ke Malaysia, Dr. Anwar Al-Agha.

Sebanyak 709 anak-anak yatim dari persatuan tersebut diraikan dalam majlis tersebut.



DR. Mahathir Mohamad bersama Dr. Anwar Al-Agha pada majlis penyampaian Bantuan Misi Kemanusiaan Biro Kebajikan UMNO Malaysia dan Kelab Putra 1Malaysia (KPIM) di Menara Tabung Haji, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Abdul Azeez Abdul Rahim (kanan). - BERNAMA